



MENILAI KUALITI PELAPIS KITA

Satu daripada kebimbangan besar peminat, pemerhati dan pengulas sukan tanah air ketika kita melangkah ke tahun – 2018 ialah persoalan tentang prestasi barisan pelapis pemain badminton negara, khasnya pemain perseorangan lelaki. Pemerhatian menunjukkan bahawa pemain-pemain muda negara kita kurang menyerlah. Mereka selalu sahaja terpaksa “pulang awal” dalam kebanyakan kejohanan antarabangsa tidak kira sama ada kejuaraan itu berlangsung di negara ini mahupun di negara luar.

Dalam sesetengah keadaan, pemain pelapis negara kita tewas dengan mudah, bukan sahaja di tangan pemain yang bergelar bintang, malahan kepada pemain yang sedang menuju ke alam persaraan. Yang lebih menyedihkan khalayak sukan, sebahagiannya pula tumpas di tangan pemain yang pernah ditewaskan pada kejohanan peringkat junior.

Kebimbangan tersebut sebenarnya bukanlah perkara baharu sebaliknya sudah pun berlarutan semenjak sekian lama. Isu ini diperkatakan oleh khalayak dengan begitu meluas dan sering menjadi topik utama bual bicara sukan dalam media arus perdana. Dalam konteks ini, tidak sukar untuk kita memahami kebimbangan khalayak kerana permasalahan berkenaan kelihatan semakin parah dan seolah-olah langsung tidak ditemukan penawarnya.

Dalam setiap kejohanan, Malaysia berterusan mena'ih kudrat dan magis Datuk Lee Chong Wei. Tanpa kelibat jaguh yang pernah dua kali berada pada kedudukan permainan utama dunia berkenaan, nama negara ini tenggelam dalam acara perseorangan. Yang paling jelas, tanpa penyertaan beliau, prestasi skuad badminton Malaysia tidak sehebat mana jika diukur dalam acara berpasukan.


Kedua-dua hakikat berkenaan sudah pun kerap kita saksikan terutamanya pada kejohanan besar seperti

Terbuka Malaysia, Terbuka Indonesia, Terbuka China, Seluruh England, Siri Super, Olimpik, Kejohanan Dunia, Piala Axiata, Piala Sudirman dan Piala Thomas. Khalayak sedar bahawa dalam dua dekad yang mutakhir ini, pemain pelapis datang dan pergi silih berganti, namun sehingga kini kita belum benar-benar mempunyai pemain perseorangan kedua, pemain perseorangan ketiga dan pemain perseorangan keempat yang mantap. Dalam konteks persediaan menghadapi kejohanan yang sengit umpamanya perebutan piala berprestij – Piala Thomas, kita belum mempunyai pemain perseorangan keempat yang boleh berperanan sebagai pemain simpanan yang mantap dan setanding dengan pemain perseorangan kedua atau perseorangan ketiga.

Sekiranya sejarah kejayaan skuad Malaysia dalam kempen Piala Thomas pada 1990 selaku naib johan dan kejayaan merampas Piala Thomas daripada China pada 1992, ternyata bahawa kekuatan tersebut datangnya daripada kedua-dua acara, iaitu perseorangan dan bergu. Dalam tempoh lapan tahun, iaitu antara 1986 hingga 1994, kita mempunyai nama-nama besar dalam acara perseorangan, iaitu Rashid Sidek, Foo Kok Keong dan Kwang Yoke Meng. Keupayaan Foo Kok Keong dengan Rashid Sidek setanding sungguhpun Rashid Sidek lebih menyerlah. Foo Kok Keong yang dilihat semakin

dan tidak mudah menyerah kalah. Foo Kok Keong akan mengerah lawannya bekerja keras dan selalunya kekalahan pemain itu berlaku dalam pertarungan tiga set serta dipisahkan oleh jurang pungutan mata yang kecil.

Pada masa yang sama, kualiti permainan Kwang Yoke Meng selaku pemain perseorangan ketiga sekitar 1988 hingga 1992, tidaklah pula terlalu jauh ketinggalan. Biarpun kerap tewas, Kwang Yoke Meng kelihatan masih lagi mampu memberikan saingan kepada pemain ternama dunia ketika itu, antaranya, Zhao Jianghua, Wu Wengkai, Yang Yang, Liu Jun, Ardi Wiranata, Alan Budikusuma dan Joko Supriyanto. Dalam pertandingan peringkat kumpulan pada kempen pusingan akhir Piala Thomas 1992, Kwang Yoke Meng berupaya menjadi penyumbang dalam percaturan strategi kepada pasukan Malaysia dalam usaha membuka laluan yang bermakna ke separuh akhir bertemu China, seterusnya membuat perhitungan dengan Indonesia pada perlawanan akhir. Dalam kedua-dua.



pertarungan berkenaan Malaysia menang 3-2. Sungguhpun tewas dengan mudah ketika menentang Joko Supriyanto yang jauh lebih handal dan berpengalaman, namun peminat sukan masih teringat akan tentangan hebat yang dipamerkannya ketika menghadapi Liu Jun pada saingan separuh akhir.

Malangnya perkara yang seumpama itu tidak berlaku dalam kalangan pemain perseorangan negara pada masa kini. Tidak keterlaluan seandainya dikatakan bahawa kita hampir-hampir kekaburan peluang untuk sekali lagi menjulang Piala Thomas dalam keadaan kemarau bekalan bakat seperti yang berlaku sekarang. Kita sememangnya ketiadaan pemain seperti Foo Kok Keong yang gigih mencari kelemahan diri dengan menjalani latihan bersendirian. Kita juga ketiadaan pemain seperti Misbun Haji Sidek yang berani mencari dan membentuk kelainan dalam gaya permainan. Jelas sekali kita kekurangan pemain yang sangat iltizam dalam hal mencipta inovasi, dan kita ketandusan pemain yang mempunyai kebijaksanaan untuk merangka strategi permainan. Pemain yang kita ada sekarang hanyalah pemain yang sederhana.

Tidak diketahui dengan jelas tahap keseriusan Persatuan Badminton Malaysia dalam usaha melihat dan menangani situasi ini. Sukar untuk kita perkatakan kewajaran serta keberkesanan bentuk perkiraan praktikal yang dilakukan oleh Persatuan Badminton Malaysia pada masa ini. Khalayak masih tertanya-tanya akan persoalan tersebut ketika beberapa buah negara lain khususnya negara timur jauh, contohnya Jepun dan Korea Selatan bersungguh-sungguh mencari jalan merampas penguasaan dan kemasyhuran daripada genggaman kuasa besar seperti China dan Denmark, serta kerja keras negara tetangga, iaitu Indonesia yang ternyata berusaha untuk kembali menguasai arena itu dengan merangka perancangan dan melaksanakan pelbagai langkah yang efektif.

Sekali imbas kenyataan ini mungkin kelihatan keras, tidak adil serta prejudis, namun sebenarnya tidak sedemikian. Kenyataan ini juga bukanlah suatu tuduhan liar sebaliknya berfakta. Berdasarkan maklumat terkini yang dikeluarkan oleh Persekutuan Badminton Dunia pada 30 November 2017 – jelas didapati bahawa pencapaian para pemain negara yang sehingga kini masih lagi kita anggap sebagai pelapis bolehlah dikatakan amat mengecewakan. Tidak terdapat seorang pun dalam kalangan pemain berkenaan berada pada kedudukan atau



ranking 40 pemain terbaik dunia – suatu perkembangan yang amat menyakitkan!

Maklumat itu menunjukkan bahawa catatan terbaik pemain pelapis kita berada hanya di kedudukan ke-44 dan ranking tersebut dihuni oleh Lee Zii Jia yang berusia 19 tahun dengan pungutan 29 340 mata. Beliau berada setangga di atas pemain yang jauh lebih senior daripadanya, iaitu Zulfadli Zulkifli yang berusia 24 tahun dan memungut 28 840 mata serta berada tiga tangga di atas Chong Wei Feng yang berusia 30 tahun dan mengumpul 28 150 mata. Pencapaian Lee Zii Jia mungkin memberikan kita sedikit kelegaan, namun tanpa perancangan yang rapi pemain muda ini mungkin tidak akan mampu ke mana-mana, malahan menerima nasib seperti sekian ramai pemain lain – bermula dengan baik, tetapi kemudiannya hilang dari peta kecemerlangan.

Dalam erti kata yang lebih mudah, dapatlah dikatakan bahawa pada kelompok ranking 41 hingga 50, hanya ada orang tiga pemain pelapis negara dan seorang daripada mereka – Chong Wei Feng, tidak seharusnya lagi diklasifikasikan sebagai pemain pelapis sekiranya faktor usia serta tempoh pendedahan diambil kira sebagai satu daripada kayu ukurnya. Chong Wei Feng sudah banyak kali mewakili pasukan senior negara termasuklah dalam kejohanan besar seperti Sukan Komanwel dan Piala Thomas.

Pada September 2013 pemain kelahiran Sungai Petani, Kedah ini boleh dianggap mencapai tahap kemuncaknya apabila berjaya mengahuni tangga ke-12 senarai kedudukan pemain terbaik dunia. Kira-kira setahun sebelumnya, iaitu pada 16 November 2012, beliau melakar sejarah peribadi dengan melayakkan diri ke separuh akhir Terbuka China setelah menewaskan Takuma Ueda dalam dua set. iaitu 21-16, 21-13, namun laluannya ke perlawanan akhir terkandas di tangan Cheng Long.



Ketika itu khalayak sukan mengharapkan pemain berkenaan mara lebih dan buat seketika harapan tersebut kelihatan sangat berasas. Hakikat tersebut disandarkan pada fakta bahawa pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) 2015 di Singapura, pemain yang aktif dengan tangan kiri itu memenangi pingat emas setelah mengalahkan rakan senegara – Mohamad Arif Abdul Latif. Sungguhpun begitu, akhir-akhir ini prestasinya tidak menampakkan pencapaian yang memberangsangkan. Beliau akhirnya mengikis jejak langkah beberapa pemain lain meninggalkan Persatuan Badminton Malaysia dan bergiat sebagai pemain profesional. Keputusan dan langkah beraninya pada Mei 2016, seolah-olah suatu petanda bahawa beliau membuka ruang kepada pemain lain untuk mengisi ruang perseorangan kedua negara. Perkhabaran terbaharu tentang pemain ini ialah layak ke suku akhir Terbuka Macau pada 9 November lalu pada sebelum tewas 23-21, 10-21, 11-21 kepada pemain veteran Korea Selatan – Lee Hyun Il.

Ruang yang ditinggalkan oleh Chong Wei Feng menimbulkan persoalan yang besar kerana pada kemunasabahannya beliau sudah melepasi fasa untuk kembali mengisi slot pemain perseorangan kedua negara. Maka itu, khalayak sukan negara ini mendapati bahawa skuad badminton mengalami kelompangan yang tidak mampu diisi dengan bermakna oleh bakat-bakat baharu, sebaliknya kita terpaksa menelan hakikat bahawa Malaysia sedang ketandusan pemain yang mampu memberikan cabaran hebat di pentas antarabangsa. Dalam konteks ini, senarai kedudukan pemain dunia yang baru dikeluarkan oleh Persekutuan Badminton Dunia menjadi antara bukti yang mampu menjelaskan segala permasalahan yang dihadapi skuad badminton negara kita.

Agak ironi untuk kita mengatakan bahawa suatu ketika dahulu kita terkesan oleh kehadiran beberapa pemain muda yang kelihatan sangat berpotensi membawa sinar kecemerlangan. Buat seketika dunia sukan badminton kita seolah-olah dijanjikan masa depan yang baik apabila munculnya Iskandar Zulkarnain Zainuddin, Misbun

Ramadan Misbun dan Goh Soon Huat. Mereka menapak dalam waktu yang sama atau hampir seiring dengan kemunculan Zulfadli Zulkifli, Mohamad Arif Abdul Latif, dan beberapa nama lain yang kelihatan mampu mencabar kedudukan Chong Wei Feng sebagai perseorangan kedua, seterusnya menjadi pengganti Datuk Lee Chong Wei pada beberapa tahun akan datang. Paling tidak pun, mereka dapat menyamai pencapaian Muhammad Hafiz Hashim yang pernah menjuarai Kejohanan All England pada 2003.

Sungguhpun demikian, harapan besar tersebut kelihatan disulubungi awan hitam, malah kita mungkin boleh melupakannya sekiranya tidak terdapat sebarang usaha bersaiz mega untuk membetulkan “kepingangan” ini. Dalam keadaan Viktor Axelsen yang pernah tewas 18-21, 21-9, 19-21 di tangan Zulfadli Zulkifli pada saingan akhir Kejohanan Remaja Dunia 2011 kini menduduki senarai pemain utama dunia, wajarkah kita masih mahu meneruskan harapan mengungguli ke atas pemain pelapis kita termasuklah Zulfadli Zulkifli sekiranya perancangan sedia ada terus diguna pakai?

Kita sebenarnya perlu menelan hakikat bahawa negara lain semakin maju, dan pada masa yang sama kita terkial-kial mengejar bayang-bayang kecemerlangan. Skuad badminton kita ketinggalan dalam banyak aspek, dan yang paling malang Jepun yang suatu ketika dahulu menagih bantuan kepakaran daripada negara ini, sudah pun jauh berada di hadapan. Apakah kita masih berasa tidak tercabar oleh keadaan ini?

Perkara ini sebenarnya sangat rumit untuk diungkaikan kerana seakan-akan ada perkara yang tidak kena dalam ruang lingkup kemajuan pemain pelapis. Seolah-olah ada perkara yang tidak mampu diungkapkan, dan perkara yang “tidak kena” ini perlulah diselidik dengan mata hati, jujur dan bertanggunjawab oleh semua pihak, khususnya Kementerian Belia dan Sukan serta Persatuan Badminton Malaysia. Dengan cara yang sedemikian itu sahaja masalah yang kian menjerut perkembangan badminton negara ini dapat ditemuk, seterusnya diuraikan jalan penyelesaiannya. 📌